

Tarikh dibaca: 07 September 2018M / 26 Zulhijjah 1439H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG: ASAS KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA”

*Terbitan:
Unit Khutbah
BPM JAIS & JAKIM*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG: ASAS KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْرَنَا بِالإِسْتِجَابَةِ، وَحَثَنَا عَلَى بُلُوغِ الْفَضْلِ وَالإِنَابَةِ، أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَأَشْكُرُهُ عَلَى نِعْمَةِ التَّوْفِيقِ وَطَرِيقِ السَّعَادَةِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، فِي النُّسُكِ وَالصَّلَاةِ وَالْعِبَادَةِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ عَلَمَنَا مَنْهَاجَ الرَّشَادِ وَالْقِيَادَةِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأُنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أُولَى الْعَزْمِ وَالسِّيَادَةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، فَقَدْ أَمْرَنَا رَبُّنَا بِذَلِكَ فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ حَيْثُ قَالَ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru hadirin yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Ke Bawah Duli Seri Paduka



Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas, Sultan Muhammad Kelima, maka khutbah hari ini akan membicarakan tajuk: "**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG: ASAS KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA**".

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sesebuah negara memerlukan kepimpinan untuk kesempurnaan pentadbiran agar menjadi lebih teratur dan berjaya dalam setiap bidang. Menurut Islam, kedudukan seseorang pemimpin adalah mulia dan tinggi kerana dia diamanahkan bagi menggantikan tugas kenabian dalam memelihara agama dan mentadbir urusan umat Islam. Imam al-Mawaradi (الحاوردي) dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyah* menjelaskan: "*Tugas pemimpin negara adalah menjaga hal ehwal agama dan mentadbir urusan dunia.*"

Dalam konteks negara Malaysia pada hari ini, kita sedia maklum bahawa Bahagian Empat, Bab Satu Perlembagaan Persekutuan, menyatakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang dilantik melalui persetujuan Majlis Raja-Raja. Lafaz sumpah jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mencakupi ikrar taat setia pada menjalankan pemerintahan dengan adil sebagaimana undang-undang dan perlembagaan serta memelihara agama Islam.

Justeru, perlu diperingatkan kepada diri kita sebagai rakyat jelata betapa pentingnya kesetiaan terhadap Raja dan negara. Malah ini menepati salah satu prinsip dalam iktikad *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* iaitu mentaati dan menghormati pemimpin selagi mana tidak menyuruh melakukan maksiat. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 59,



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْ فَإِنْ تَنَزَّلُتُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

"Wahai orang-orang yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kebelakangan ini, institusi Raja yang sepatutnya dihormati berhadapan cabaran apabila ada usaha untuk mengganggu institusi tersebut terutama di media sosial. Terdapat banyak isu yang dilontarkan belum dipastikan kesahihannya apatah lagi yang tidak mempunyai mana-mana sandaran mahupun bukti. Hal ini bukan sahaja menyebabkan kemudarat dan mengganggu kemaslahatan rakyat, malah pada masa yang sama memberi kegembiraan kepada golongan yang menolak sistem kerajaan raja berperlembagaan dan Islam sebagai agama persekutuan.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersatu menjauhkan diri kita daripada terperangkap dan terpengaruh dalam isu seumpama ini. Sebagai seorang muslim, hendaklah kita berpegang teguh kepada prinsip syariat Islam yang memerintahkan supaya kita menjaga lisan dan menahan diri agar tidak menulis dan menyatakan perkara-perkara yang tidak ada bukti



kebenarannya. Peringatan ini jelas dirakamkan oleh Allah ﷺ melalui firmanNya dalam Surah al-Isra' ayat 36 :

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْؤُلًا

"Dan janganlah kamu mengikut apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

Dan hal ini juga diperingatkan oleh Baginda Nabi ﷺ melalui hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud Radhiyallahu Anhu:

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ
وَالْبِرُّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ. وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ
يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ

"Dan hendaklah berlaku benar, kerana kebenaran membawa kepada kebaikan, dan kebaikan membawa seseorang ke syurga. Dan janganlah sekali-kali kamu melakukan perkara dusta, maka bahawasanya melakukan perkara dusta membawa kepada perbuatan maksiat dan perbuatan maksiat membawa kepada neraka".

(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Dengan itu, kita amat bersyukur kepada Allah ﷺ kerana memelihara negara ini daripada sebarang ancaman. Kita berdoa kepada Allah ﷺ agar terus mengurniakan istiqamah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan



Agong dengan sifat-sifat hikmah, tegas, bijaksana, adil, saksama dan berkeupayaan tinggi dalam mengharungi cabaran dengan berkesan. Seterusnya kita mendoakan barisan pembesar dan penasihat negara termasuk para ulama dan cendekiawan Islam agar dapat membantu dan meneguhkan lagi kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Semoga Allah mengekalkan kejayaan negara seperti penubuhan universiti Islam, Tabung Haji, pengurusan sistem kewangan dan perbankan Islam terunggul serta peneraju halal dunia yang ternyata memberi manfaat kepada ummah keseluruhannya. Sesungguhnya kejayaan yang Allah anugerahkan ini adalah hasil kerjasama pemikiran ulama dan umara yang ingin melihat negara beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan. semoga hubungan erat di antara *umara'* (pemimpin) dan ulama ini, negara akan terus dilimpahi rahmat dan kebaikan.

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Sesungguhnya kedaulatan Islam dan kemajuan negara, adalah berasaskan kepada kekuatan kepimpinannya. Justeru itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara sama ada dari segi keperibadiannya atau dalam menjalankan bidang kuasa untuk menjaga negara dan kesucian agama Islam, dikagumi oleh pelbagai lapisan rakyat jelata. Rakyat menjunjung kasih dan merafak sembah atas keperihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam memartabatkan agama Islam, memajukan negara dan membantu kehidupan rakyat agar dapat hidup dengan aman dan harmoni dalam perkembangan dunia semasa.

Marilah kita sama-sama sentiasa mendoakan kesejahteraan berpanjangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas, Sultan Muhammad Kelima, sempena



Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, pada 9 September 2018 bersamaan hari Ahad, 28 Zulhijjah 1439 hijri.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, khatib ingin menyimpulkan dengan beberapa iktibar dan taujihat:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kesetiaan kepada raja dan kecintaan kepada Negara adalah sebahagian daripada iman.
2. Umat Islam hendaklah menjauhi gejala fitnah kerana ia boleh menghancurkan Negara, bangsa dan agama.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan agar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sentiasa istiqamah dalam menjalankan bidang kuasanya menjaga Negara dan kesucian agama Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتَّوْا الزَّكُوْةَ وَأَمْرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَلَّهِ عَنِّيْبَةُ الْأُمُورِ

"laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan."

(Surah Al-Hajj:41).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاکُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَهُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

JAKIM
03.09.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاَيْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاْغُورِ، تَعْكُو
أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا^١
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ۝

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
